



**SURAT ARAHAN SETIAUSAHA SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN
BIL. 1 TAHUN 2011**

**VISI, MISI, OBJEKTIF DAN NILAI-NILAI BERSAMA
PEJABAT SETIAUSAHA SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN**

PENDAHULUAN

1. Mesyuarat Perancangan dan Sasaran Kerja Tahun 2011 bagi Pejabat Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang diadakan pada 12-14 Januari 2011 telah bersetuju merumuskan misi, visi, objektif dan nilai-nilai bersama bagi Pejabat Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman seperti di **Lampiran A1** (Bahasa Melayu) dan **Lampiran A2** (Bahasa Inggeris).

TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL

2. Pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman diminta untuk mengambil maklum mengenai perkara ini dan mengemaskini Fail Meja masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

3. Tarikh kuat kuasa penggunaan misi, visi, objektif dan nilai-nilai bersama ini adalah pada tarikh surat arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.


(HAMIDAH BINTI KHALID)

Tarikh: 18 Januari 2011

Semua Pegawai dan Kakitangan

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN NILAI-NILAI BERSAMA

VISI	
Menjadi urus setia terbaik dalam pemilihan dan pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Atasan.	
MISI	
Memastikan pengurusan dan pentadbiran pemilihan serta pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Atasan adalah berdasarkan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.	
OBJEKTIF	
Melaksanakan fungsi pengurusan dan pentadbiran pemilihan serta pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Atasan dengan cekap, berkesan dan teratur.	
NILAI-NILAI BERSAMA	
Integriti	melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.
Berilmu	sentiasa mengamalkan pembelajaran berterusan dan membudayakan perkongsian ilmu.
Kualiti	sentiasa bersikap proaktif dalam memberi perkhidmatan yang cekap, berkesan dan melebihi piawaian yang ditetapkan.
Disiplin	menepati masa dan mematuhi peraturan.
Inovatif dan kreatif	sentiasa berusaha ke arah penambahbaikan sejajar dengan objektif organisasi.
Bekerjasama	saling membantu dalam melaksanakan tugas.

